

<b>Headline</b>	<b>Hantar pencalonan Royal Belum</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian (Utara)</b>		
<b>Date</b>	<b>21 Oct 2018</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>NEWS</b>	<b>Circulation</b>	<b>160,000</b>
<b>Page No</b>	<b>22</b>	<b>Readership</b>	<b>509,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>390 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>MOHAMAD HAFIZI MOHD SAID</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 2,732</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 8,196</b>



# Hantar pencalonan Royal Belum

*Bakal jadi Tapak Warisan Dunia Unesco keenam negara jika diiktiraf*

MOHAMAD HAFIZI  
MOHD SAID

LENGGONG

Kerajaan akan menghantar dokumen pencalonan (dossier) Taman Negeri Royal Belum sebagai Tapak Warisan Dunia kepada Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) sebelum 1 Februari 2019.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik berkata, penyediaan dossier

pencalonan tersebut berjalan mengikut perancangan serta komprehensif.

"Selepas dihantar ke pejabat Unesco di Paris kita akan menunggu pihak Unesco turun ke Royal Belum bagi melakukan pemerhatian, kajian serta validasi sebelum ia diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia.

"Biasanya apabila dossier pencalonan dihantar ia akan mengambil masa lebih setahun untuk pihak Unesco membuat keputusan sama ada ia diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia atau tidak," katanya dalam sidang media selepas merasmikan Hari Warisan Arkeologi Lembah Lenggong di Galeri Arkeologi Lembah Lenggong di sini, semalam.

Menurut Muhammad Bakhtiar, sekiranya Taman Negeri Royal Belum diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia Unesco ia akan menjadi lokasi keenam seumpama itu selepas Taman Mulu,

<b>Headline</b>	<b>Hantar pencalonan Royal Belum</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian (Utara)</b>		
<b>Date</b>	<b>21 Oct 2018</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>NEWS</b>	<b>Circulation</b>	<b>160,000</b>
<b>Page No</b>	<b>22</b>	<b>Readership</b>	<b>509,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>390 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>MOHAMAD HAFIZI MOHD SAID</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 2,732</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 8,196</b>



*info*

Kementerian sedang menyediakan dossier pencalonan lain iaitu PKGS dan FRIM

Sementara itu, Muhammad Bakhtiar berkata, kementeriannya melalui Jabatan Warisan Negara akan menjadikan Kompleks Galeri Arkeologi Lembah Lenggong sebagai pusat pelawat yang lebih menarik dan berinformasi.

"Permohonan ini telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi untuk mendapatkan peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja menaik taraf Tapak Arkeologi Paleopolitik Kota Tampan dan ruangan pameran utama Galeri Arkeologi Lembah Lenggong pintu gerbang dan penanda kawasan," katanya.

Muhammad Bakhtiar (berdiri, lima kiri) bergambar selepas merasmikan program berkenaan semalam.

Sarawak, Taman Kinabalu, Sabah, Bandaraya Melaka, George Town, Pulau Pinang dan Tapak Arkeologi Lembah Lenggong Perak.

"Malah apa yang lebih membanggakan adalah sekiranya Royal Belum diiktiraf Unesco maka ia akan menjadi tapak warisan dunia kedua di Perak dan sudah

pasti mengharumkan nama-nama negeri ini.

"Selain itu sudah pasti ekonomi penduduk di daerah Hulu Perak ini akan bertambah dengan kehadiran pelancong-pelancong luar yang lebih berkualiti kerana mereka ingin melihat dua tapak warisan dunia di sini," katanya.

Muhammad Bakhtiar turut memaklumkan kementeriannya juga sedang menyediakan dossier pencalonan Tapak Warisan Dunia Unesco bagi dua lokasi di Selangor iaitu, Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).